

Headline	Laluan berbasikal sokong lestari alam		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	17 Jun 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	24	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Weekly	PR Value	RM 3,531



Laluan berbasikal sokong lestari alam

SHAH ALAM - Kemudahan laluan berbasikal disediakan di beberapa lokasi di Selangor bagi menyokong kelestarian alam sekitar dengan pengurangan kuantiti karbon mencemarkan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata kemudahan boleh digunakan penggemar sukan itu antaranya di Shah Alam, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) dan Bukit Cherakah.

"Antaranya laluan trek basikal di Seksyen 4, Shah Alam sepanjang dua kilometer (km) disediakan Majlis Bandaraya Shah Alam.

"Anda boleh juga berbasikal di FRIM yang terbahagi kepada beberapa jarak laluan iaitu 10, 20 dan 30 km," katanya sempena Hari Basikal Sedunia yang disambut pada 3 Jun setiap tahun.

Selain itu, Bukit Cherakah menjadi trek digemari memandangkan ia sebuah taman agrikultur yang indah seluas 1,295 hektar.

Amirudin menasihatkan rakyat berbasikal dengan selamat dalam musim wabak Covid-19 dan mengamalkan tatacara operasi piawai (SOP) antaranya penjarakan sosial.

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Jun lalu membenarkan beberapa jenis sukan dan rekreasi antaranya berbasikal.